

11/03/2001

Pas disifatkan tidak minat jaga kepentingan Melayu

KUALA LUMPUR: Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz menyifatkan Pas tidak berminat menjaga kepentingan Melayu berikutan pendirian parti itu yang mengenakan pelbagai syarat sebelum bertemu Umno.

"Tindakan Pas itu menunjukkan mereka kurang cenderung untuk berbincang mengenai kepentingan Melayu, malah mereka sebenarnya mungkin langsung tidak memikirkan mengenai kepentingan Melayu di negara ini," katanya ketika diminta mengulas sikap Pas yang enggan bertemu Umno sebelum syarat mereka dipenuhi, semalam.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, dilaporkan berkata sebelum pertemuan antara kedua-dua parti itu menjadi kenyataan, Umno perlu memenuhi tiga syarat Pas.

Syarat yang dikemukakan parti itu membabitkan royalti minyak Terengganu, penerbitan semula Harakah dan kerajaan menolak cadangan Umno supaya penggunaan perkataan Islam pada parti politik digugurkan.

Rafidah berkata, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah menjelaskan tujuan pertemuan pemimpin Umno dan Pas tidak mempunyai implikasi politik kepada parti masing-masing.

Beliau berkata, pertemuan itu cuma perbincangan mengenai isu kepentingan Melayu berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan.

"Seperti yang dijelaskan Presiden Umno, pertemuan itu bukan untuk menubuhkan parti baru, atau nak bubarkan parti lain tapi hanyalah perkara yang berkaitan kepentingan Melayu dalam jangka panjang supaya tiada pihak yang dapat menghakisnya," katanya.

Rafidah berkata, ia adalah perkara yang perlu dibincang dan diperjuangkan bersama-sama untuk kepentingan bersama dan masa depan Melayu dan negara.

"Jadi Pas perlulah lebih serius dan tegas untuk berbincang dengan Umno kerana kalau Pas terus meleret-leret dan mengemukakan pelbagai pandangan, pertemuan tidak akan berhasil," katanya.

Ketika diminta mengulas saranan Nik Aziz supaya rakyat Kelantan memboikot produk yang memaparkan gambar wanita tidak menutup aurat di papan iklan, Rafidah berkata, ia terpulang kepada rakyat Kelantan.

Bagaimanapun, beliau berharap orang Kelantan tidak keliru dengan tuntutan Islam mengenai produk kerana yang penting ialah isi dan proses pembuatan bukan kotaknya.

Rafidah berkata, jika Pas terus dengan pegangan mereka, beliau bimbang masa depan orang Melayu di Kelantan mungkin gelap berikutan terlalu banyak larangan yang dikenakan.

"Rugilah orang Kelantan kalau ditutup dan disempitkan pandangan terhadap unsur yang membabitkan perdagangan.

"Jadi saya harap orang Kelantan tidak terpengaruh dengan pandangan begitu," katanya.

Lagipun katanya, kebanyakan produk yang menggambarkan wanita mempunyai kaitan dengan produk yang ditawarkan seperti kecantikan dan kesihatan.

(END)